

# Faktor penyumbang kecenderungan pemilihan IPT di Sabah

## MINDA PENDIDIK

Oleh DR. ABDUL SAID AMBOTANG & MOHD RAZHAN ARIFF MOHD ZAIN

UB 7.6.2017 B3

KE mana arah tujuan pelajar selepas keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan? Persoalan ini menjadi satu soalan rutin yang selalu dihadapi oleh hampir majoriti pelajar dan ibubapa sebaik sahaja keputusan peperiksaan itu diumumkan setiap tahun. Calon STPM dan SPM yang berjaya dan memenuhi syarat kelayakan pasti berangan-angan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka akan memilih untuk mengikuti program yang mereka minati di pusat pengajian tinggi tempatan mahupun luar negara.

Semakin banyak pusat pengajian tinggi termasuklah institusi TVET seperti politeknik dan kolej komuniti dibina khasnya di Sabah dan Sarawak. Seajar dengan kepesatan kewujudan institusi pengajian tinggi umpama 'cendawan selepas

hujan', persaingan dalam usaha menambah peratusan kemasukan pelajar ke IPT masing-masing juga semakin meningkat. Dalam pemilihan pusat pengajian tinggi terdapat beberapa model kajian yang boleh digunakan sebagai panduan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pelajar lepasan menengah ini untuk memilih sebuah pusat pengajian tinggi sebagai platform mereka seterusnya untuk meneruskan kelansungan pengajian mereka ke tempat yang lebih tinggi. Antara model konseptual itu adalah seperti Model Chapman (1981), Model Hanson dan Litten (1982), Model Jackson (1982), dan Model Hossler dan Gallagher (1987).

Sehubungan dengan itu, artikel ini akan menghuraikan secara ringkas pendekatan Model Chapman (1981) dalam memilih pusat pengajian lanjutan. Menurut model ini, terdapat dua faktor yang mempengaruhi pelajar memilih tempat melanjutkan pengajian. Faktor pertama adalah faktor dalaman yang berkaitan dengan set perwatakan diri pelajar itu dan faktor kedua ialah

faktor luaran seperti pengaruh orang berkepentingan seperti ibu bapa, rakan sebaya dan pihak kaunselor sekolah, lokasi, kos, program yang ditawarkan, pengalaman masa lalu dan informasi yang diterima berkenaan IPT berkenaan.

Faktor minat dan kecenderungan pelajar menjadi faktor utama yang mempengaruhi pelajar untuk memilih tempat melanjutkan pengajian mereka. Terdapat pelajar lepasan sekolah menengah berpendirian bahawa keutamaan adalah untuk melanjutkan pengajian dalam bidang yang berteraskan akademik tanpa mengira program atau kursus apa yang akan diambil. Apabila gagal mendapat tempat mereka beranggapan masa depan dan kerjaya mereka akan suram. Bagaimanapun kini sudah ramai yang menyedari bahawa selain teras akademik semata-mata, kursus berteraskan vokasional dan kemahiran sebagai alternatif juga boleh memberi jaminan masa depan yang lebih baik. Justeru itu, ramai yang berminat memohon memasuki institusi TVET seperti politeknik dan kolej komuniti. Dahulunya

tempat ini hanya berfungsi sebagai pilihan terakhir kepada pelajar lepasan SPM tetapi kini persepsi itu semakin jauh berubah.

Faktor sosioekonomi juga boleh mempengaruhi pelajar dan ibu bapa untuk memilih tempat melanjutkan pengajian mereka. Sosioekonomi di Sabah mungkin berbeza daripada tempat-tempat lain di Malaysia. Pelajar mungkin kebanyakannya datang daripada keluarga yang mempunyai pendapatan rendah dan dari luar bandar. Kebanyakan ibu bapa dan pelajar lebih cenderung untuk memilih IPT yang berada di Sabah berbanding untuk ke Semenanjung Malaysia. Ia juga berkait rapat dengan faktor kos dan lokasi kerana kebimbangan ibu bapa terhadap kos perbelanjaan yang terpaksa ditanggung keluarga sepanjang tempoh pengajian. Oleh itu, bantuan kewangan daripada kerajaan dan pihak berkepentingan boleh membantu mengatasi faktor ini pada masa akan datang.

Faktor ketiga adalah faktor pengaruh ibu bapa dan ahli keluarga. Ibu bapa merupakan rujukan utama dan terpenting

kepada anak-anak dalam sistem kekeluargaan di Sabah dan Malaysia amnya. Pengaruh ibu bapa dan ahli keluarga boleh memberi kesan kepada pemilihan tempat mereka melanjutkan pengajian selepas tamat sekolah menengah. Nasihat ibu bapa ini mungkin didorong oleh pengalaman mereka sendiri atau ahli keluarga lain yang telah berjaya dalam bidang tertentu atau pernah berada di IPT yang berkaitan.

Faktor pengaruh rakan sebaya juga agak kuat terhadap pelajar berbanding dengan orang lain pada usia remaja dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah dalam menentukan masa depan mereka. Pelajar banyak menghabiskan masa bersama rakan sebaya berbanding dengan keluarga mereka pada usia sebegini. Mereka sering kali cenderung memilih sesuatu bidang pendidikan disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya. Begitu juga pemilihan aliran program dan tempat pengajian pun boleh dipengaruhi oleh rakan mereka yang telah atau pernah berada di IPT dan mengambil kursus atau program tertentu di IPT.

Berikutnya pula adalah pengaruh program bimbingan kaunseling dan kerjaya di sekolah juga boleh membantu pelajar mencari haluan selepas peringkat menengah. Bimbingan kaunseling dan kerjaya adalah satu proses bimbingan terhadap pelajar untuk menimbulkan rasa minat atau memberikan gambaran jelas tentang potensi diri pelajar secara keseluruhan dan memberikan cadangan serta panduan kepada pelajar dalam membina kerangka hala tuju mereka selepas itu.

Oleh yang demikian, pengaruh-pengaruh ini perlu dikawal secara berkesan dan bersistematik kerana ianya sudah pasti mempunyai pengaruh yang besar kepada pelajar dalam usaha menentukan masa depan mereka di institusi pengajian tinggi yang bakal menjadi pilihan mereka.

-----  
\* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah